

HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN

PAHANG

28 JULAI 2023 | 10 MUHARAM 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Dalam sejarah Tanah Melayu, pemerintahan beraja merupakan suatu sistem yang telah wujud di kebanyakan negeri sejak ratusan tahun yang lalu. Raja merupakan pemerintah tertinggi, dibantu oleh pembesar-pembesar yang dipertanggungjawabkan oleh Baginda. Manakala rakyat mencurahkan sepenuh taat setia kepada raja demi kemakmuran dan keamanan sesebuah negeri.

Taat kepada perintah raja atau pemimpin adalah tanggungjawab setiap rakyat. Malah ia merupakan suatu kewajipan dalam Islam seperti yang difirmankan oleh Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Nisa' ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-

Amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Sebagai umat Islam, kita wajib mematuhi segala perintah Allah dan Rasul serta mencurahkan kesetiaan dan ketaatan kepada raja dan pemerintah yang adil selagi tidak menyuruh melakukan kemaksiatan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Yang bermaksud: *“Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia sukai dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Dalam perlembagaan negara kita, raja pemerintah berfungsi sebagai ketua agama dalam sesebuah negeri. Baginda bertanggungjawab menjaga kedaulatan agama Islam dan dalam masa yang sama tidak menghalang agama-agama lain untuk diamalkan khususnya dalam konteks masyarakat majmuk seperti di negara kita ini.

Dalam urusan agama Islam, seorang raja pemerintah perlu berdamping rapat dengan golongan ulama. Menurut as-Sheikh Mustafa al-Khin dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajiyy*, seorang raja perlu mendapatkan nasihat daripada kalangan alim ulama atau mufti terlebih dahulu agar tidak timbul sesuatu kekeliruan kepada rakyat dalam memutuskan sesuatu perkara.

Dalam konteks negeri Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Pahang, al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah Ibni al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustain Billah merupakan seorang raja yang cermat dan sabar dalam membuat

keputusan-keputusan penting. Ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Sajdah ayat 24:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْتَدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan Kami jadikan daripada kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.”*

Baginda Tuanku banyak memainkan peranannya dalam menjaga agama Islam bagi memastikan perpaduan rakyatnya. Sebagai contoh; Baginda sering menitahkan agar rakyat di negeri ini supaya menunaikan solat berjemaah di masjid. Baginda juga menitahkan supaya umat Islam sentiasa menjaga akidah dan berwaspada dengan pelbagai ancaman yang menyesatkan. Baginda sering menyeru supaya rakyat bersatu padu dengan mengetepikan fahaman politik. Baginda juga menitahkan agar penggunaan tulisan Jawi disemarakkan semula supaya warisan ini tidak hilang begitu sahaja. Semasa berdepan dengan saat-saat getir diuji dengan musibah seperti Covid-19, Baginda merupakan antara pemimpin terawal yang menitahkan supaya solat hajat diadakan di masjid-

masjid serta diadakan bacaan qunut nazilah ketika solat Subuh dan solat Jumaat bagi mendoakan kesejahteraan rakyat.

Semasa pemasyhuran Baginda sebagai Sultan Pahang pada tahun 2019, Baginda bertitah dengan memetik kalam Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang berbunyi:

“Jika aku betul, tolonglah aku. Jika aku salah, betulkan aku. Benar itu amanah. Bohong itu khianat. Taatlah aku selagi aku taatkan Allah dan Rasul-Nya. Jika aku derhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka tiadalah ketaatan untukku”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kita berdoa semoga negeri dan negara kita sentiasa dilimpahi kemakmuran dan keamanan di bawah payung pemerintahan raja-raja Melayu yang adil. Semoga Baginda Tuanku sentiasa dalam taufiq, hidayah dan bimbingan Allah Subhanahu wa Taala dalam menjalankan tugas sebagai pemerintah di negeri ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ

وَتُعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.